

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan gaji bulanan para pekerja di sektor swasta supaya melebihi paras garis kemiskinan RM2208 sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ialah nilai purata keseluruhan pendapatan isi rumah yang diukur berdasarkan corak perbelanjaan isi rumah. Manakala pendekatan penentuan gaji minimum mengambil kira pendapatan pekerja yang bekerja. Oleh itu, purata pendapatan satu isi rumah turut merangkumi pendapatan individu yang bekerja.

Penetapan gaji minimum telah pun mengambil kira kadar PGK sebagai salah satu kriteria asas dalam pengiraan formula gaji minimum. Kriteria asas formula ini juga turut mengguna pakai indikator sosioekonomi lain seperti penengah gaji bagi mengukur kemampuan pihak majikan membayar kadar gaji minimum. Bagi kriteria pelarasan pula, formula penetapan gaji minimum mengambil kira Indeks Harga Pengguna (*Consumer Price Index*, CPI) yang

mencerminkan perubahan kos sara hidup, pertumbuhan produktiviti dan kadar pengangguran.

Bagi memastikan kadar gaji minimum yang ditetapkan adalah wajar dengan keadaan sosioekonomi semasa, Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan mengkaji semula perintah gaji minimum secara berkala. Ini adalah selaras dengan seksyen 25(1) Akta MPGN 2011 [Akta 732] yang memperuntukkan supaya kajian semula perintah gaji minimum dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun. Hasil kajian semula dan keadaan pertumbuhan ekonomi yang mampan boleh memberi indikasi peningkatan kadar gaji minimum pada masa hadapan. Kenaikan kadar gaji minimum mampu meningkatkan purata pendapatan individu yang bekerja sekali gus melonjakkan purata pendapatan satu isi rumah keluar daripada paras garis kemiskinan.

Walau bagaimanapun, Kementerian perlu menggunakan pendekatan seimbang (*balanced approach*) dengan mengambil kira kepentingan pihak majikan, pekerja dan kerajaan dalam penetapan kadar gaji minimum. Kenaikan kadar gaji minimum perlu dilaksanakan secara berperingkat agar tidak memberi tekanan dan membebankan majikan, terutama bagi perusahaan kecil, mikro dan sederhana. Kenaikan kadar gaji minimum yang mendadak boleh menjejaskan operasi syarikat dan mendedahkan pekerja kepada risiko kehilangan pekerjaan di samping menyebabkan peluang pekerjaan baharu berkurangan.